

D971

R B220 AAB  
MAHATHIR - SPR

KUALA LUMPUR, 21 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TETAP YAKIN BARISAN NASIONAL DAPAT MENUBUHKAN SEBUAH KERAJAAN PADA PILIHAN RAYA UMUM HARI INI DAN BERHARAP MENDAPAT MAJORITI DUA PER TIGA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA MALAM INI SETIBANYA DI IBU PEJABAT SURUHANJAYA PILIHANRAYA (SPR) DI SINI UNTUK MELAWAT BILIK GERAKAN SURUHANJAYA ITU.

MENGENAI PERATUSAN YANG KELUAR MENGUNDI, BELIAU BERHARAP ANGKANYA AKAN MELEBIHI 60 PERATUS. LAPORAN AWAL MENUNJUKKAN PERATUSAN YANG MENGUNDI DI KEBANYAKAN TEMPAT IALAH ANTARA 60 DAN 70 SAHAJA.

+MUNGKIN MEREKA TIDAK BERMINAT SEHINGGA TIDAK KELUAR MENGUNDI. BAHKAN DI SESETENGAH TEMPAT, ADA PARTI YANG TIDAK ADA PONDOK,+ KATANYA.

SEMASA LAWATAN ITU DATUK SERI DR MAHATHIR DIIRINGI OLEH ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR BITI HASMAH MOHAMED ALI DAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAN SRI AHMAD SARJI ABDUL HAMID. -- BERNAMA.  
2047MST 21 10 90